

## KONVENSYEN KIK JKSNs TAHUN 2022

**14 OKTOBER 2022** | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNs) telah menganjurkan Konvensyen KIK JKSNs 2022 kali pertama peringkat dalaman. Konvensyen ini berjaya dianjurkan dengan penglibatan enam buah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri dengan memberikan perkongsian program inovasi masing-masing. Antara Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri ialah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu. Tidak lupa juga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang turut sama hadir menyerikan suasana.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Ab.Kadir, Pengerusi MAINS. Konvensyen ini diserikan lagi dengan kehadiran YAA Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Naim bin Hj. Mokhtar KP JKSM/Ketua Hakim Syarie, Tuan Hj. Nassir bin Hj. Abdul Aziz dan Ketua Pendaftar JKSM.

Kumpulan Phlegmatic telah dinobatkan sebagai Johan Konvensyen KIK JKSNs 2022 diikuti oleh Kumpulan Najah dan tempat ketiga ialah Kumpulan Mutiara. Panel hakim ialah Tuan Rosdi bin Osman daripada FELDA dan Tuan Aizul Fazli bin Suhaimi daripada STRIDE. Pada konvensyen julung kali ini, Puan Noor Hafizah binti Omar, Penolong Pengarah Kanan UPTM JKSNs, telah dinobatkan sebagai "Tokoh Inovasi JKSNs 2022". Pihak jabatan mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan kehadiran tetamu jemputan yang telah menyerikan konvensyen ini.

# GALERI





